

Newspaper	Berita Harian
Date	20/8/2013

Merungkai curiga rakyat dalam rundingan TPPA

BH-20/8/2013

Minggu ini, Malaysia akan meneruskan sesi perundingan pusingan ke-19 Perjanjian Kerjasama Trans-Pasifik (TPPA) bersama 11 negara termasuk Amerika Syarikat (AS) di Brunei Darussalam. Berdasarkan maklumat Pejabat Perwakilan Perdagangan Amerika Syarikat, rundingan itu bermula 23 hingga 30 Ogos.

Namun, pegawai dan pakar perunding dari 12 negara terbabit berada seminggu lebih awal daripada tarikh itu untuk membuat perundingan awal dalam pelbagai aspek terutama menyentuh perundangan dan teknikal sebelum perundingan sebenar berlangsung minggu berikutnya.

Malah, Brunei juga dijadual mengelolakan Forum Pihak Berkepentingan di Pusat Konvensyen Antarabangsa pada 27 Ogos ini. Ia dijangka dihadiri banyak pihak yang 'dahagikan' maklumat terbaru demi pelan perniagaan masa depan mereka.

Rundingan kali ini juga dikatakan amat kritikal bagi semua negara, khususnya Malaysia kerana bukan sekadar hendak mencapai keputusan 'menang-menang' dengan negara TPPA, tetapi bagaimana mahu memenangi hati rakyat supaya tidak bersangka buruk terhadap perjanjian berkenaan.

Kerajaan tersepit

Rundingan yang pada asalnya menjurus kepada usaha bagaimana kerajaan merealisasikan satu perjanjian perdagangan pelbagai hala dan bebas yang menguntungkan negara serta rakyat, kini ibarat 'mata parang memakan sarung' yang boleh menggugat keyakinan rakyat kepada kerajaan.

Kerajaan agak tersepit dalam isu TPPA kerana di sebalik komitmen untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dalam jangka panjang, turut berdepan konflik yang tidak boleh diabaikan begitu saja iaitu kesan kepada kedaulatan negara jika TPPA ditandatangani.

Walaupun pelbagai jaminan disuarakan kerajaan termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, bahawa kerajaan tidak akan mengorbankan kepentingan serta kedaulatan negara dalam TPPA, ia belum cukup kuat untuk melembutkan hati pihak yang membantahnya.

Ini terbukti apabila 200 pertubuhan dan pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) menyuarakan harapan agar Kabinet memperhalusi TPPA sebelum menandatangani bagi melindungi kedaulatan negara dan rakyat.

Terlalu banyak alasan dan sebab pertubuhan dan NGO me-

minta kerajaan berwaspada, namun perkara pokok yang mereka perjuangkan ialah jangan sampai Malaysia menjadi mangsa penjajahan moden pihak asing.

Dengan mengambil beberapa kes di sesetengah negara Dunia Ketiga sehingga kini terjerut disebabkan perjanjian perdagangan dengan kuasa besar ekonomi dunia, mereka pada prinsipnya tidak mahu Malaysia menjadi mangsa seterusnya.

Bukti menunjukkan negara kecil dan mundur yang menandatangani perjanjian perdagangan dengan negara kuasa besar terpaksa mengubah sistem perundangan dan dasar, sehingga menimbulkan rantaian konflik yang menggugat kestabilan politik serta ekonomi negara terbabit.

Rangkaian kesangsian

Inilah alasan utama pertubuhan dan NGO bertegas mahu Malaysia berhati-hati sebelum bersetuju dengan TPPA supaya tidak menerima nasib seperti negara terbabit. Namun, isu utama yang perlu ditangani kerajaan ialah bagaimana merungkai kesangsian NGO dan segelintir rakyat dalam perundingan TPPA.

Jika dilihat rentetan reaksi yang mereka, ternyata, pendirian skeptikal terhadap TPPA didasari beberapa perkara antaranya kurang maklumat menyeluruh mengenai TPPA.

Boleh dikatakan, tiada program penerangan khas kepada rakyat atau pihak berkepentingan di negara ini apakah TPPA dan manfaat yang akan dinikmati negara serta rakyat jika negara menandatangani.

Dialog atau sesi penjelasan hanya diadakan selepas rundingan TPPA memasuki pusingan ke-17, tetapi itu dianggap sekadar melepaskan batok di tangga, tanpa tindakan susulan yang meyakinkan dilakukan pihak kerajaan.

Salahkah rakyat, pertubuhan dan NGO mempersoal TPPA kerana mereka tidak didedahkan dengan maklumat perundingan itu. Rasa kecewa dan curiga rakyat terhadap TPPA berasas namun, jika melihat maklum balas yang ditunjuk rakyat hari ini, masih ada ruang bagi kerajaan memperbetulkan persepsi masyarakat umum mengapa Malaysia menyertai rundingan TPPA ini.

Jangan biarkan masyarakat bertanya-tanya apakah perlu Malaysia menandatangani TPPA kerana mereka juga berhak mengetahui apakah perjanjian itu memberi manfaat atau mudarat kepada negara serta kehidupan mereka.



E-mel ke
bhrencana@bh.com.my
untuk berkongsi pendapat anda



ANWAR
PATHO ROHMAN

wanawar@bh.com.my